

Pelajar UMS teroka cabaran **perniagaan** sebenar

BH 10.3.2016 v6

Kota Kinabalu: Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjalin kerjasama dengan syarikat Borneo Food Chain bagi membuka kios perniagaan di fakulti terbabit.

Kios itu bagi memasarkan produk makanan segera berteraskan ikan segar yang siap diproses dan akan dikendalikan sepenuhnya oleh pelajar program Pengurusan Kewangan dan Perbankan (HE06).

Menerusi kerjasama itu juga, Borneo Food Chain berperanan menyediakan kemudahan seperti latihan operasi perniagaan, serta fasiliti perniagaan dan kewangan kepada pelajar.

Bagi memastikan kualiti makanan dan penyampaian sentiasa terjamin, pelajar turut diberi latihan dalam pelbagai aspek termasuk penyimpanan rekod kewangan, pakaian, penyediaan



Aktiviti perniagaan di **Kiosk perniagaan Borneo Food Chain** yang dikendalikan sepenuhnya oleh pelajar FPEP.

dan penyampaian makanan.

Ketua Program HE06, Amer Azlan Abdul Jamal, berkata jalinan kerjasama itu adalah 'capstone activity' bagi program HE06 yang memberi peluang kepada pelajar untuk mempraktikkan ilmu

yang dipelajari di bilik kuliah kepada satu bentuk pengalaman perniagaan sebenar.

Katanya, pembabitan pelajar dalam perniagaan bukanlah semata-mata kerana keuntungan, malah lebih daripada itu.

Aplikasi ilmu

"Pelajar berpeluang mengaplikasikan ilmu kognitif, afektif dan psikomotor yang telah mereka pelajari yang mana membabitkan penggunaan arahan, analisis, sintesis pengetahuan serta kemahiran.

"Selain itu, projek ini menyediakan platform baharu kepada pelajar HE06 untuk menjana pendapatan bagi tujuan penganjuran aktiviti kelab pada masa hadapan selain memberi peluang kepada mereka menjana pendapatan sampingan," katanya.

Bagi Dekan FPEP, Prof Dr Rasid Mail, jalinan kerjasama antara FPEP dan Borneo Food Chain itu bermanfaat kepada pelajar kerana mampu men-

cambah minat mereka untuk terlibat dalam aktiviti keusahawanan, sekali gus memadamkan mentaliti 'makan gaji'.

"Ini secara tidak langsung menyokong dasar universiti yang sentiasa mahu melihat warganya bergiat aktif dalam aktiviti yang boleh menjana pendapatan," katanya.

Antara produk yang dijual adalah bebola ikan goreng, nugget ikan, wantan ikan, tofu makanan laut, kek ikan serta keropok ikan.



Perasmian Kios Perniagaan Borneo Food Chain di FPEP yang disempurnakan oleh Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar & Pascasiswazah, FPEP), Dr Arif Kamisan.